

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' MOHD. NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA [PARIT]**

TARIKH : 19 NOVEMBER 2019

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) adakah terdapat sebarang kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian bagi mengenal pasti apakah punca serta sebab utama rakyat Malaysia sanggup bekerja di Singapura walaupun dalam sektor 3D ; dan

(b) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bagi menggalakkan rakyat Malaysia untuk pulang bekerja di Malaysia

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian ini melalui *Institute of Labour Market Information and Analysis (ILMIA)* telah melaksanakan kajian “*A Study On Malaysian Working In Sinagpore*” pada tahun 2016. Statistik terkini yang dikeluarkan oleh Kementerian Tenaga Kerja Singapura menunjukkan hampir 685,979 orang warga Malaysia berkhidmat di dalam pelbagai lapangan pekerjaan di Singapura termasuk sektor 3D. Punca atau sebab yang mendorong dan menjadi faktor penarik bagi warga Malaysia bekerja di Singapura adalah seperti berikut:-

SOALAN NO : 12

- i. Kadar tukaran wang yang lebih tinggi 1 SD : RM3.10 menawarkan upah pokok dan faedah kewangan (bayaran kerja lebih masa, elaun, bonus dsb) yang tinggi;
- ii. Graduan tempatan sanggup bekerja dalam sektor 3D di Singapura kerana tawaran upah yang menarik ekoran kadar tukaran wang yang tinggi. Purata upah yang diperolehi di Singapura dianggarkan adalah 5 kali ganda lebih tinggi daripada purata upah di negara ASEAN yang lain;
- iii. Majikan Singapura menawarkan kadar upah yang kompetitif kepada pencari kerja lepasan SPM;
- iv. Ramai belia tempatan berhijrah bekerja di Singapura ekoran pengaruh rakan sebaya; dan
- v. Majikan Singapura lebih berminat menggajikan pekerja Malaysia kerana faktor kesamaan budaya, bahasa, fahaman keagamaan, pemakanan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Talent Corporation (TalentCorp) di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah diberi mandat untuk menerajui Program Kepulangan Pakar atau *Returning Expert Programme (REP)* bagi memudahcara kepulangan tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara.

3. Sebanyak 5,137 modal insan berkemahiran tinggi telah diluluskan di bawah program ini dari tahun 2011 sehingga April 2019, Peningkatan permohonan kembali ke tanahair melalui REP juga meningkat sebanyak 20 peratus pada tahun 2018 berbanding tahun sebelumnya.

SOALAN NO : 12

4. Antara Sektor Industri Teratas bagi kelulusan REP ialah:
- Minyak, Gas dan Tenaga;
 - Perkhidmatan Kewangan;
 - Perkhidmatan Perniagaan;
 - Kandungan Komunikasi dan Infrastruktur;
 - Perubatan.
5. Manakala Negara Teratas bagi kelulusan REP seperti berikut:
- Singapura;
 - China;
 - Arab Saudi;
 - *United Arab Emirates (UAE)*;
 - England.
6. Melalui inisiatif REP yang ditawarkan kepada warga Malaysia yang bekerja di luar negara, ianya diharap akan menggalakkan lebih ramai pakar-pakar berkemahiran tinggi untuk menyumbang tenaga dengan kembali berkhidmat di Malaysia. Ia juga akan dapat merapatkan jurang kemahiran yang diperlukan untuk pembangunan negara di samping mengurangkan kebergantungan industri kepada ekspatriat dan pekerja asing.
7. Laporan Bank Dunia yang diterbitkan dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPE) Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan TalentCorp pada Jun 2015 yang bertajuk, "*Assessment of Returning Expert Programme (REP) & Residence Pass-Talent*" menyatakan bahawa antara faktor-faktor utama yang telah dikenalpasti menyumbang kepada isu pengaliran keluar tenaga-tenaga pakar dan profesional tempatan ke luar negara adalah seperti berikut:
- Pertama, peluang pekerjaan yang lebih menarik;
 - Kedua, kualiti dan tahap pendidikan;
 - Ketiga, latihan dan pendedahan kepada prospek kerjaya; dan
 - Keempat, tahap kualiti hidup yang lebih tinggi.

SOALAN TAMBAHAN 1

Berapakah bilangan warganegara yang sedang bermastautin di negara asing dan apakah situasi keadaan “brain drain” negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Menerusi Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia dengan kerjasama Kerajaan Malaysia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia menetap di luar negara, di mana satu-pertiga daripada jumlah tersebut merupakan tenaga berkepakaran tinggi. Namun begitu, laporan tersebut turut mengakui bahawa penghijrahan sedemikian bukan terhad hanya kepada Malaysia, malah fenomena penghijrahan ini turut berlaku kepada negara-negara lain memandangkan terdapat *global war for talent*.

2. Seterusnya, Laporan Bank Dunia dengan kerjasama *Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp)* dan *Institute of Labor Market Information Analysis (ILMIA)* pada Jun 2015 yang bertajuk, “*Assessment of Returning Expert Programme (REP) & Residence Pass-Talent*” pula menjelaskan bahawa inisiatif REP di bawah seliaan Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) adalah efektif bagi memudahcara kepulangan tenaga kerja pakar yang diperlukan di Malaysia. Bank Dunia juga menyebut bahawa usaha memudahcara kepulangan rakyat Malaysia berkemahiran tinggi merupakan instrumen bagi membantu memenuhi keperluan pasaran pekerjaan dan industri sekaligus merapatkan jurang perbezaan kemahiran (*skills gap*).

3. TalentCorp telah diberi mandat untuk menerajui program REP bagi memudahcara kepulangan tenaga kerja berkemahiran tinggi Malaysia di luar negara. Pelaksanaan REP juga telah melalui beberapa fasa penambahbaikan bagi memastikan kualiti

SOALAN NO : 12

modal insan berkemahiran tinggi yang diluluskan adalah selaras dengan keperluan semasa industri dan ekonomi negara.

4. Usaha TalentCorp juga tidak terhad kepada pelaksanaan REP sahaja bahkan ianya turut merangkumi pendekatan untuk menghubungkan tenaga kerja mahir Malaysia di luar negara dengan peluang pekerjaan tersedia dalam negara. Pendekatan ini juga selaras dengan laporan Bank Dunia seperti di atas yang menyatakan bahawa rakyat Malaysia yang telah mendapat pekerjaan lebih cenderung untuk pulang ke Malaysia.

5. Di samping itu, sesi temu seru di luar negara juga turut diadakan terutamanya di negara yang dikenalpasti mempunyai populasi rakyat Malaysia yang tinggi. Sesi temu seru ini diadakan dengan keterlibatan syarikat Malaysia dengan matlamat untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan profesional yang terbuka luas di Malaysia.

6. Menyedari bahawa kejayaan REP banyak dipengaruhi oleh faktor luaran (contoh: keadaan ekonomi negara, kadar tukaran mata wang, sistem pendidikan, status kewarganegaraan ahli keluarga), TalentCorp telah mengambil langkah strategik untuk memudahkan para profesional yang kini berada di perantauan untuk masih memberikan sumbangan dan berkongsi kepakaran mereka untuk pembangunan negara melalui pendekatan-pendekatan berikut:

- a. Perkongsian, pertukaran dan pemindahan ilmu pengetahuan, kemahiran, teknologi dan kajian dalam bidang pembelajaran dan pertumbuhan utama negara;
- b. Memudahkan jaringan perhubungan untuk memacu lebih banyak sumbangan dari diaspora;
- c. Mewujudkan ruang perniagaan melalui perkongsian, usaha sama dan peluang pelaburan;

SOALAN NO : 12

- d. Platform perkongsian hasil kajian dan syor-syor penambahbaikan berkaitan dengan sektor utama ekonomi; dan
- e. Khidmat rundingan profesional dan maklumat dalam bidang kepakaran masing-masing.